




# PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

Membudayakan Kecemerlangan  
Dalam Perkhidmatan Awam



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA

## PENDAHULUAN

Kerajaan menyedari bahawa usaha berterusan perlu diambil untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan sumber manusia dalam perkhidmatan awam ke arah meningkatkan daya saing dan kemakmuran negara. Perkhidmatan awam kini sedang berhadapan dengan perubahan persekitaran yang dinamik. Antaranya ialah keperluan pekerja berpengetahuan (*knowledge workers*), penguasaan ICT, tadbir urus yang baik (*good governance*) dan ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan yang semakin meningkat. Oleh itu, perkhidmatan awam perlu memberi penekanan kepada penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran dan pengamalan ciri-ciri peribadi yang positif. Perkhidmatan awam juga perlu mengamalkan budaya pembelajaran berterusan serta sistem pengurusan fleksibel yang berupaya bertindak secara proaktif dan berkesan.

Selaras dengan saranan pucuk pimpinan negara, perkhidmatan awam memerlukan persekitaran penyampaian perkhidmatan yang dapat memenuhi permintaan dan mencapai ekspektasi pelanggan. Penyampaian perkhidmatan secara cekap dan berkesan akan menyumbang ke arah pencapaian matlamat negara yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) diperkenalkan bagi memupuk pembangunan diri, meningkatkan budaya organisasi pembelajaran dan menyediakan pegawai perkhidmatan awam dalam pelaksanaan pengurusan sumber manusia yang berasaskan kompetensi. Ia adalah salah satu unsur dalam menentukan kemampuan pegawai perkhidmatan awam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan sempurna. Penilaian Tahap Kecekapan telah diperkenalkan mulai 1 November 2002 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

## **SISTEM SARAAN MALAYSIA**

Sistem Saraan Malaysia adalah berteraskan kompetensi dalam pengurusan sumber manusia sektor awam yang berupaya dan responsif kepada perubahan persekitaran dan permintaan pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti. Dengan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia, perkhidmatan awam kini berada di peringkat peralihan ke arah perkhidmatan awam yang lebih cemerlang. Kementerian/jabatan/agensi perlu memberi fokus yang utama terhadap matlamat untuk melengkapkan pengurusan sumber manusia supaya ianya lebih cekap dan produktif.

Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia memerlukan kerjasama dan komitmen pegawai perkhidmatan awam di peringkat sokongan, pertengahan dan atasan. Setiap pegawai perkhidmatan awam hendaklah bersedia dan membuat perubahan minda dan anjakan paradigma untuk menerima perubahan ini. Mereka hendaklah berusaha untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang bertepatan serta bersesuaian bagi meningkatkan lagi kualiti dan prestasi kerja masing-masing.

## **RASIONAL PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

Kerajaan menyeru supaya setiap pegawai perkhidmatan awam meningkatkan keupayaan diri untuk menghadapi cabaran globalisasi, meningkatkan daya saing negara, memupuk sikap dan budaya baru, menambahkan keberkesanan pelaksanaan projek dan penyampaian perkhidmatan, meningkatkan keprihatinan terhadap aduan rakyat serta proaktif terhadap cabaran baru. Selaras dengan seruan tersebut, pegawai perkhidmatan awam perlu mengubah minda, sikap dan cara bekerja melalui pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia. Sistem ini memberikan penekanan terhadap penguasaan pengetahuan, peningkatan kemahiran dan penerapan ciri-ciri peribadi terpuji.

## OBJEKTIF PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN


Objektif yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan adalah seperti di **Rajah I**.



**Rajah I : Objektif Penilaian Tahap Kecekapan**

## KOMPONEN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

Komponen utama yang diukur dalam Penilaian Tahap Kecekapan adalah pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi pegawai (sikap, nilai dan etika kerja) bagi sesuatu gred jawatan untuk perkhidmatan berkenaan adalah seperti di **Rajah II**.



**Rajah II : Komponen Penilaian Tahap Kecekapan**

## PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN DAN KOMPETENSI


Pengukuran tahap kecekapan pegawai perkhidmatan awam dilaksanakan melalui peperiksaan, kursus dan amali/pemerhatian/temuduga mengikut kumpulan perkhidmatan dan juga tahap kecekapan yang ingin diukur. Kaedah-kaedah pengukuran tersebut adalah berdasarkan kepada kompetensi. Kompetensi bermaksud gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi sesuatu pekerjaan atau jawatan. Kompetensi pegawai yang diukur dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kompetensi umum dan kompetensi khusus.

### JENIS KOMPETENSI

Kompetensi terbahagi kepada dua jenis seperti berikut:

<b>Kompetensi Umum</b> <i>(Generic Competency)</i>	<b>Kompetensi Khusus</b> <i>(Functional Competency)</i>
Pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki oleh <b>setiap pegawai tanpa mengira grad jawatan dan organisasi pegawai berkenaan.</b>	Pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi khusus yang diperlukan bagi melaksanakan <b>bidang tugas sesuatu jawatan.</b>

Contoh-contoh bagi setiap kompetensi ini ditunjukkan dalam Rajah III.



**Rajah III : Jenis, Komponen dan Contoh-contoh Kompetensi**

*Catatan:*

\* *Pegawai perkhidmatan awam dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional*

\*\* *Pegawai perkhidmatan awam dalam Kumpulan Sokongan*

## **MELEPASI TAHAP KECEKAPAN**

Dalam menduduki Penilaian Tahap Kecekapan seseorang pegawai perkhidmatan awam hendaklah melepasi tahap kecekapan pada aras kecemerlangan yang ditetapkan.

### **Pegawai Yang Melepasi Tahap Kecekapan Pada Aras Kecemerlangan Yang Ditetapkan**

Sekiranya seseorang pegawai telah melepasi aras kecemerlangan yang ditetapkan dalam penilaian tahap kecekapan, pegawai tersebut telah memenuhi salah satu daripada syarat untuk anjakan gaji dan kenaikan pangkat.

Pegawai layak dipertimbangkan untuk mendapat anjakan gaji sekiranya telah mencapai tahap prestasi kerja yang ditetapkan dan juga diperakukan oleh Ketua Jabatan. Pertimbangan untuk kenaikan pangkat tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan masing-masing.



### **Pegawai Yang Belum Melempi Tahap Kecekapan Pada Aras Kecemerlangan Yang Ditetapkan**

Pegawai belum melewati tahap kecekapan yang ditetapkan sekiranya:

- belum menduduki Penilaian Tahap Kecekapan; dan
- tidak melewati aras kecemerlangan yang ditetapkan selepas menduduki Penilaian Tahap Kecekapan.

### **Pegawai Yang Belum Menduduki atau Tidak Melempi Tahap Kecekapan Pada Aras Kecemerlangan Yang Ditetapkan**

- Pegawai yang **belum menduduki** Penilaian Tahap Kecekapan dikehendaki membuat **persediaan untuk menduduki** Penilaian Tahap Kecekapan berkenaan.
- Pegawai yang **tidak melewati** aras kecemerlangan yang ditetapkan selepas menduduki Penilaian Tahap Kecekapan **berpeluang mengulangi** semula sebahagian atau keseluruhan Penilaian Tahap Kecekapan.
- Bagi kedua-dua kategori pegawai ini, mereka **tetap menikmati pergerakan gaji biasa** tertakluk kepada Laporan Nilai Prestasi Tahunan yang memuaskan.

## **PERANAN MENGENDALIKAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

- Menetapkan dasar dan garis panduan untuk semua kementerian/jabatan/agensi; dan
- Memastikan keseragaman dan piawaian pelaksanaan dengan:
  - menerangkan konsep Penilaian Tahap Kecekapan;
  - memberi panduan mengenai pembangunan sukatan dan kurikulum, pengurusan peperiksaan dan pengurusan kursus;
  - memberi penerangan dan latihan mengenai teknik penggubalan soalan dan penilaian;
  - memberi panduan mengenai penetapan tahap melepasi kecekapan; dan
  - memantau pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan secara keseluruhan.

### **Ketua Jabatan**

- Menubuhkan Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian dan Panel-panel;

- Menyebarkan maklumat, termasuk sukatan peperiksaan, kurikulum kursus serta menyediakan sumber rujukan untuk pegawai-pegawai jabatan;
- Mengurus pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan di peringkat Jabatan;
- Membuat tapisan dan perakuan bagi pegawai yang memohon menduduki Penilaian Tahap Kecekapan; dan
- Memantau pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan di peringkat Jabatan.

### **Pegawai**

- Memahami konsep dan matlamat Penilaian Tahap Kecekapan;
- Memahami sukatan peperiksaan dan kurikulum kursus;
- Melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran sebelum menduduki Penilaian Tahap Kecekapan;
- Memohon menduduki/menghadiri Penilaian Tahap Kecekapan; dan
- Menduduki peperiksaan atau menghadiri kursus Penilaian Tahap Kecekapan.

## **MEKANISME PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

Mekanisme pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan dibuat melalui Lembaga dan Panel seperti berikut:

### **Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Awam**

- Penetapan dasar peperiksaan dan kursus bagi perkhidmatan awam;
- Pemantauan peperiksaan dan kursus yang dikendalikan oleh kementerian/ jabatan;
- Penentuan dasar pengecualian menduduki peperiksaan dan kursus; dan
- Penetapan dasar mengenai markah melepasi tahap kecekapan.

### **Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian**

- Penetapan dasar peperiksaan dan kursus jabatan;
- Kelulusan sukatan dan kurikulum kursus;
- Pelantikan Panel Peperiksaan dan Panel Penilaian;
- Penentuan pengecualian menduduki peperiksaan dan kursus; dan
- Penetapan markah melepasi tahap kecekapan.

### **Panel Peperiksaan**

- Penentuan taraf dan mutu soalan;
- Pelantikan penggubal soalan;
- Pelantikan pemeriksa kertas jawapan; dan
- Pemilihan soalan peperiksaan.

### **Panel Penilaian Kursus**

- Penilaian prestasi peserta secara individu dan kumpulan;
- Kelulusan cadangan soalan ujian;
- Pengesahan keputusan ujian kursus;
- Penyediaan laporan pencapaian kursus; dan
- Perakuan bagi pegawai yang gagal menamatkan kursus.

### **Panel Penilaian Bagi Pegawai Berkelayakan PMR dan ke Bawah**

- Penilaian prestasi peserta secara individu dan berkumpulan;
- Pengesahan keputusan penilaian; dan
- Penyediaan laporan dan analisis Penilaian Tahap Kecekapan yang telah dilaksanakan untuk kelulusan Lembaga Penilaian Kompetensi.

**MAKLUMAT ASAS PEPERIKSAAN  
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

Perkara	Penjelsan
<b>Kekerapan Peperiksaan</b>	Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan diadakan sekali setahun ataupun mengikut keperluan perkhidmatan
<b>Syarat Menduduki Peperiksaan TK* 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai yang sedang berada di peringkat gaji P1 dan telah disahkan dalam perkhidmatan;</li> <li>• Pegawai yang sedang berada di peringkat gaji P2 atau P3 boleh menduduki peperiksaan bagi TK 1 untuk pertimbangan naik pangkat sahaja; dan</li> <li>• Diperakukan oleh Ketua Jabatan.</li> </ul>
<b>Syarat Menduduki Peperiksaan TK 2</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai yang sedang berada di peringkat gaji P2 atau P3; dan</li> <li>• Diperakukan oleh Ketua Jabatan.</li> </ul>

Catatan:

\* Tahap Kecekapan

**MAKLUMAT ASAS KURSUS  
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

<b>Perkara</b>	<b>Penjelasan</b>
<b>Kekerapan Kursus</b>	Seperti jadual yang ditetapkan oleh penganjur.
<b>Tempoh Kursus</b>	Antara dua hingga tiga minggu.
<b>Pengendalian Kursus</b>	Pelaksanaan kursus adalah berdasarkan kurikulum yang digubakan untuk perkhidmatan berkenaan.
<b>Penumpangan Kursus</b>	Kursus yang sama boleh disertai oleh pegawai dari pelbagai agensi dan perkhidmatan yang sama bidang kompetensinya.
<b>Syarat Menduduki Kursus PTK</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berada di gred yang disandang secara hakiki;</li> <li>• Memiliki Penilaian Prestasi Tahunan yang baik; dan</li> <li>• Diperakukan oleh Ketua Jabatan.</li> </ul>

**MAKLUMAT ASAS PENILAIAN BAGI PEGAWAI  
BERKELAYAKAN PMR DAN KE BAWAH**

<b>Perkara</b>	<b>Penjelasan</b>
<b>Kekerapan Penilaian</b>	Sekurang-kurangnya sekali setahun.
<b>Tempoh Penilaian</b>	Bersesuaian dengan keperluan kaedah penilaian.
<b>Kaedah Penilaian</b>	<p>Penilaian adalah meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pengetahuan;</li> <li>• kemahiran; dan</li> <li>• ciri-ciri peribadi.</li> </ul> <p>Penilaian dilakukan secara bertulis, lisan, temu duga, pemerhatian, amali atau kaedah lain yang sesuai.</p>



## MAKLUMAT ASAS KURSUS KENEGARAAN

Perkara	Penjelsan
<b>Kekerapan Kursus</b>	Bergantung kepada jadual yang ditetapkan oleh Biro Tata Negara.
<b>Tempoh Kursus</b>	Lima hari
<b>Syarat Menduduki Kursus</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pegawai yang menduduki TK 1;</li><li>• Boleh diambil samada sebelum atau selepas menduduki peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan; dan</li><li>• Boleh dihadiri oleh pegawai dalam tempoh percubaan.</li></ul>

**SYARAT-SYARAT MENDUDUKI DAN KAEDAH  
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

Tahap Kecekapan	Syarat	Kaedah Penilaian
TK 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah disahkan dalam perkhidmatan</li> <li>• Kursus Kenegaraan</li> <li>• Diperakukan oleh Ketua Jabatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peperiksaan</li> <li>• Kursus</li> </ul>
TK 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah berada di peringkat gaji P2 atau di peringkat gaji P3</li> <li>• Diperakukan oleh Ketua Jabatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peperiksaan</li> </ul>


**SYARAT-SYARAT MENDUDUKI DAN KAEDAH  
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

Tahap Kecekapan	Syarat	Kaedah Penilaian
TK 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah berada di gred yang disandang secara hakiki</li> <li>• Diprakukan oleh Ketua Jabatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peperiksaan (Kumpulan Sokongan)</li> <li>• Kursus (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)</li> </ul>
TK 4, TK 5 dan TK 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah berada di gred yang disandang secara hakiki</li> <li>• Diprakukan oleh Ketua Jabatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus</li> </ul>

## **KESIMPULAN**

Untuk memenuhi kehendak pelanggan dan *stakeholders* yang semakin meningkat dan pelbagai, perkhidmatan awam perlu diperkasakan dan daya saing negara ditingkatkan. Oleh itu, perkhidmatan awam perlu memastikan kecekapan pegawai diletak di aras yang lebih tinggi. Hasrat ini akan dapat dicapai melalui Penilaian Tahap Kecekapan yang mendokong pembudayaan kecemerlangan yang berteraskan kepada pembelajaran berterusan sebagaimana yang diperlukan di bawah Sistem Saraan Malaysia.

## LANGKAH-LANGKAH KE ARAH KEJAYAAN DALAM PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN



Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Cawangan Pengurusan Kompetensi  
Aras 5 & 6, Sapura @ Mines  
7 Jalan Tasik, The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
SELANGOR DARUL EHSAN.**

**Talian Utama : 03 – 8946 4500**

**Tel : 03-8946 4574 / 4580 (*helpdesk*)**

**Faks : 03 – 8946 4541**

**[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)**

**Diterbitkan Oleh:**  
**Jabatan Perkhidmatan Awam**  
**Blok C1 dan C2, Parcel C**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**  
**65210 PUTRAJAYA**  
**Mei 2004**